

BENAVIR FILM-COATED TABLET 0.5MG

Entecavir 0.5mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Benavir Tablet
2. Bagaimana Benavir Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Benavir Tablet
4. Cara mengambil Benavir Tablet
5. Semasa mengambil Benavir Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Benavir Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Benavir Tablet

Benavir Tablet digunakan untuk rawatan jangkitan jangka panjang (kronik) virus hepatitis B di kalangan orang dewasa dengan bukti replikasi virus aktif.

Bagaimana Benavir Tablet berfungsi

Benavir Tablet mengandungi bahan aktif, Entecavir yang mempunyai aktiviti yang kuat untuk melawan virus hepatitis B (HBV). Dengan ini, Benavir Tablet membantu mengurangkan bilangan virus hepatitis B dalam badan anda.

Sebelum mengambil Benavir Tablet

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Benavir Tablet jika:

- Anda mempunyai hipersensitiviti pada Entecavir atau mana-mana bahan lain dalam Benavir Tablet.
- Anda ialah pesakit HIV / HBV tetapi tidak menerima terapi antiretroviral yang sangat aktif (HAART).

Jangan ambil Benavir Tablet jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Benavir Tablet jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Benavir Tablet tidak digalakkan untuk kanak-kanak di bawah umur 16 tahun.

-Sebelum mengambil Benavir Tablet

Memaklumkan dan berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika:

- anda mempunyai masalah buah pinggang.
- anda pernah menerima pemindahan hati.
- hati anda tidak berfungsi dengan baik.
- anda mempunyai sebarang alahan atau masalah kesihatan yang lain.

Doktor anda akan menentukan sama ada Benavir Tablet sesuai untuk anda atau tidak.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Doktor atau ahli farmasi anda akan memberi nasihat sama ada anda boleh mengambil Benavir Tablet bersama-sama dengan ubat yang lain.

Cara mengambil Benavir Tablet

-Berapa banyak harus diambil

Sentiasa mengambil ubat ini betul-betul seperti doktor atau ahli farmasi anda telah memberitahu anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti. Doktor anda akan menentukan dos yang sesuai berdasarkan keadaan anda.

-Bila perlu diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Benavir Tablet perlu diambil semasa perut kosong melainkan jika

dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa mengambil Benavir Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Benavir Tablet dengan makanan kecuali dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi.

Jangan menyusukan anak jika anda mengambil Benavir Tablet.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Terapi dengan Benavir Tablet tidak

BENAVIR FILM-COATED TABLET 0.5MG

Entecavir 0.5mg

terbukti untuk mengurangkan risiko jangkitan virus hepatitis B. Oleh itu, langkah-langkah pencegahan jangkitan yang sesuai masih perlu diambil.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Benavir Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Berikut adalah beberapa kesan-kesan sampingan yang direkodkan dan dilaporkan:

- masalah susah tidur
- sakit kepala
- pening
- rasa mengantuk yang terlampau
- loya
- cirit-birit
- senak
- muntah
- keletihan
- keradangan hati semakin teruk
- hati tidak berfungsi dengan baik
- keguguran rambut
- ruam

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang disenaraikan di atas atau tidak selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccine (AEFI)*].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Benavir Tablet

-Penyimpanan

Benavir Tablet perlu disimpan di dalam pakej asal pada suhu tidak melebihi 30°C. Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Benavir Tablet adalah tablet putih bersalut filem berbentuk segi tiga dengan ikon Pharmaniaga pada satu bahagian dan kosong di sebelah yang lain.

-Saiz pek

Di dalam kotak mengandungi 30 tablet (3 blister x 10 tablet).

-Bahan-bahan kandungan:

Bahan aktif:

Entecavir 0.5mg

Bahan tidak aktif:

Lactose monohydrate

Microcrystalline cellulose

Crospovidone

Povidone

Magnesium stearate

Purified water

Opadry white

-Nombor MAL

MALxxxx

Pengilang

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (198001006232)

No.11A, Jalan P/1, Kawasan

Perusahaan Bangi,

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

Darul Ehsan,

Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (198001006232)

No.11A, Jalan P/1, Kawasan

Perusahaan Bangi,

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

18 April 2023

Nombor Siri

NPRA (R2) 23/019